

USIM sumbang RM10,000 kepada Tabung Bantuan Banjir Kementerian Pendidikan

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) memberi sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Tabung Bantuan Banjir Kementerian Pendidikan sebagai tanda sokongan terhadap usaha murni kementerian itu dalam meringankan beban mangsa banjir yang melanda beberapa negeri.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pendaftar USIM Muhammad Haizuan

Rozali sempena majlis pelancaran Tabung Bantuan Banjir Kementerian Pendidikan oleh Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh di Kementerian Pendidikan, Putrajaya Jumaat lepas.

Pada majlis itu, sebanyak RM1.5 juta berjaya dikumpulkan hasil sumbangan pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta. Muhammad Haizuan

berkata sumbangan yang diberikan oleh USIM sebagai tanda sokongan kepada inisiatif murni yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dalam membantu mangsa banjir.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik USIM Mohd Zaini Othman berkata sejak musibah banjir terburuk melanda dalam beberapa negeri, USIM telah menggerakkan kempen USIMPRIHATIN

bagi mengumpul sumbangan dalam bentuk kewangan dan barangan daripada warganya dan masyarakat sekitar Nilai.

"USIM juga terlibat dalam menjayakan Ops Pasca Banjir yang digerakkan oleh Kementerian Pendidikan bermula 1 Jan lepas, melibatkan sasaran 50,000 sukarelawan pelajar dan staf IPT seluruh negara," katanya. — Bernama